

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

DILARIKAN PEMANDU BAS MINI

Noraini kongsi pengalaman operasi penguatkuasaan secara rondaan pada 1995

Noraini Mohd Nawi satu-satunya pegawai wanita beruniform yang memegang jawatan tinggi di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Kini bertugas sebagai Ketua Pejabat JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Cawangan Bandar Sri Permaisuri, Cheras.

Kejayaan dikecapinya bukan datang bergolek kerana dia memulakan kerjaya di jabatan itu pada 1993 sebagai pembantu penguat kuasa.

Dia kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan ijazah sarjana dalam bidang sama di universiti itu.

Banyak pengalaman dilaluinya sepanjang berkhidmat di jabatan berkenaan dan pernah bertugas di beberapa negeri termasuk di Ibu Pejabat JPJ, Putrajaya.

Antara pengalaman yang sukar dilupakan adalah dilarikan pemandu bas

mini selama 40 minit.

"Ia berlaku ketika kami menjalankan operasi penguatkuasaan secara rondaan di kawasan Petaling Jaya New Town pada 1995.

"Ketika itu, saya pembantu penguat kuasa. Ketua operasi mengarahkan saya mengambil maklumat penumpang di dalam bas.

"Ketua operasi dan anggota JPJ lain pula melakukan pemeriksaan di luar kenderaan," katanya.

Menurutnya, tiba-tiba pemandu bas warga Indonesia terus memandu kenderaan berkenaan dan melarikannya.

"Saya ketakutan kerana hanya berdua bersama pemandu di dalam bas dan membayangkan kemungkinan perkara buruk yang boleh terjadi.



FOTO IHSAN NORAINI MOHD NAWI

NORAINI (dua, kanan) menghadiri Kursus Pembangunan dan Penilaian Kompetensi.



"Walaupun ketakutan, saya memberanikan diri memarahi pemandu bas terbabit ekoran tindakannya menghalang kakitangan awam menjalankan tugas.

"Saya mengarahkannya kembali ke tempat operasi dan menunggu rakan setugas lain mencari saya sebelum menahan pemandu itu untuk tindakan lanjut," katanya. Dalam pada itu, Noraini menasihati anggota dan pegawai JPJ yang masih baharu supaya sentiasa menjalankan tugas dengan penuh integriti serta mengikut peraturan.

Katanya, mereka juga perlu mengambil peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi bagi menambah ilmu pengetahuan dan memperbaiki kerjaya di masa hadapan.

PROFIL

- Nama:** Noraini Mohd Nawi
Jawatan: Ketua Pejabat JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Cawangan Bandar Sri Permaisuri, Cheras
Tempoh berkhidmat: 26 tahun
Asal: Kelantan
Pendidikan: Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM)
Anugerah:
- Anugerah Ahli Setia Mahkota Kelantan - Al-Ibrahim v - 2015
 - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011
 - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005
 - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1997
 - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1995



SUDAH 26 tahun berkhidmat dalam JPJ.

NORAINI bersama suami dan dua anaknya.